




JABATAN PELAJARAN MELAKA  
JALAN BUKIT BARU  
PETI SURAT No. 62  
75150 BUKIT BARU  
MELAKA



Pejabat Am : 06-2319869  
Fax : 06-2312326  
HEM/Dadah : 06-2319869  
Kokurikulum : 06-2312848  
Fax : 06-2312848  
Sukan : 06-2312845  
Unit Pendidikan Islam : 06-2314497

Pengetua / Guru Besar,  
Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah Negeri Melaka.

Tuan /Puan,

### KETETAPAN PENGLIBATAN PESERTA SEKOLAH DALAM KEJOHANAN MERENTAS DESA SEMPENA KARNIVAL PENDIDIKAN MELAKA 2010

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Pelajaran Melaka dengan kerjasama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) akan menganjurkan Karnival Pendidikan Melaka bermula 4 Mac hingga 7 Mac 2010 di MITC Melaka.

3. Sukacita dimaklumkan, penyertaan sekolah tuan/puan adalah **wajib** dalam Kejohanan Merentas Desa bersempena karnival tersebut seperti ketentuan berikut :

- 3.1 Tarikh Pertandingan : 7 Mac 2010 (Ahad)
- 3.2 Masa : 7.00 pagi – 2.00 petang
- 3.3 Tempat : Dataran MITC (Tempat Letak Kereta MITC)

4. Sehubungan itu, dipohon komitmen dan kerjasama tuan/puan untuk menguruskan penyertaan pasukan sekolah masing-masing bagi mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut seperti maklumat di dilampirkan.

5. Bersama-sama ini dilampirkan borang penyertaan dan peraturan pertandingan untuk rujukan dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Sila sahkan penyertaan pasukan masing-masing pada atau sebelum **24 Februari 2010**. Sebarang pertanyaan berkaitan, sila hubungi Encik Kamaruddin bin Othman di talian 06-2327220 /012-2509197.

Sokongan dan komitmen tuan/puan membantu menjayakan pengisian aktiviti karnival pendidikan, demi nama baik organisasi jabatan kita amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah;

**(HAJI DAUD BIN ABDULL)**

Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan  
Jabatan Pelajaran Melaka

s.k Pengarah Pelajaran Melaka  
Timbalan Pengarah Pelajaran Melaka  
Semua Ketua Sektor JPM  
PPD Melaka Tengah / Jasin / Alor Gajah

Untuk Tindakan/Makluman/Perhatian	
PPD	
KUP Sekolah	
KUP Teknik	
KUP Kemanusiaan	
KUP Isira/Morai	
KU Purn. Bekalan	
KU Makluma/MCT	
Peg. Kaunseling	
KU Kawangan	
KU Per. ITadbran	

En. Grew  
J.P.P.



**BORANG PENYERTAAN  
KEJOHANAN MERENTAS DESA MSS MELAKA 2010**



Lampiran "A"

**SEKOLAH :  
KATEGORI : L 18 / L 15 / L 12**

BIL	NAMA	NO KP	UMUR	NO PESERTA	NO DAFTAR SEKOLAH
1					

**KATEGORI : P18 / P15 / P12**

BIL	NAMA	NO KP	UMUR	NO PESERTA	NO DAFTAR SEKOLAH
1					

Pengurus Pasukan

( ..... )

Tel HP :

Tel Sek :



Cap  
Sekolah

Pengetua / Guru Besar

( ..... )

\* Penyertaan bagi sekolah menengah seramai 1 orang bagi 1 kategori.

\* Penyertaan bagi sekolah rendah seramai 1 orang bagi 1 kategori.



MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH MELAKA  
(MSS MELAKA)

**PERATURAN PERTANDINGAN LARIAN MERENTAS DESA  
MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH MELAKA 2010  
(MSS MELAKA)**

**1. Undang-undang Pertandingan**

- Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-undang Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia ( KOAM ), Peraturan-peraturan Am Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia ( MSSM ), Peraturan Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia ( MSSM ) dan Peraturan Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Melaka (MSS Melaka).

**2. Jenis Pertandingan / Kategori / Jarak laluan**

2.1 Pertandingan akan dijalankan secara individu

2.2 Kumpulan umur adalah seperti berikut:-

Lelaki

Kategori	Peringkat Umur	Jarak
Kelas 1	Lelaki Bawah 18 tahun	8 km
Kelas 2	Lelaki Bawah 15 tahun	6 km
Kelas 3	Lelaki Bawah 12 tahun	3km

Perempuan

Kategori	Peringkat Umur	Jarak
Kelas 1	Perempuan Bawah 18 tahun	6 km
Kelas 2	Perempuan Bawah 15 tahun	6 km
Kelas 3	Perempuan Bawah 12 tahun	3 km

2.3 Had umur peserta dikira pada **1 Januari tahun pertandingan**

**3. Pengesahan Peserta**

- Pengesahan akhir akan dilakukan 1 jam sebelum pertandingan oleh Pengurus Pasukan kepada Jawatankuasa Pertandingan dengan menunjukkan borang pertandingan dan kad pengenalan
- Borang penyertaan yang lengkap setelah disemak hendaklah dihantar kepada pengelola semasa melaporkan diri. ( Lampiran A)
- Trek laluan akan diedarkan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- Mesyuarat Pengurus Pasukan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola





MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH MELAKA  
(MSS MELAKA)

4. **Pendaftaran Peserta**

- a. Setiap pelajar yang didaftarkan hendaklah Warga Negara Malaysia. Bagi pelajar yang mempunyai tarap kerakyatan PR, mereka dibenarkan bertanding diperingkat MSS Melaka tetapi tidak akan dipilih untuk mewakili MSS Melaka keperingkat Kebangsaan (Kejohanan MSSM) walaupun berjaya mendapat tempat pertama hingga ke sepuluh di Kejohanan Merentas Desa. MSS Melaka
- b. Setiap sekolah menengah (kategori L 18, P 18, L15 dan P 15) boleh mendaftar 1 orang peserta bagi tiap kategori. Bagi kategori Bawah 12 tahun, sekolah boleh menghantar 1 orang peserta lelaki dan 1 orang peserta perempuan. **Bagi kategori 18 tahun ke bawah, sekolah dibenarkan mendaftarkan seorang peserta Tingkatan 6 atas untuk menyertai pertandingan ini.**
- c. Pendaftaran peserta hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Penyertaan Rasmi yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola. Butir-butir tentang seseorang peserta hendaklah dilengkap dan disahkan oleh Pengetua sekolah masing-masing.
- d. Peserta-peserta kategori Bawah 18 Tahun dan Bawah 15 tahun (Lelaki dan Perempuan) **WAJIB** membawa kad pengenalan asal atau setaraf dengannya sebagai Pengesahan Rasmi. Surat Akuan, Surat Sumpah dan sebagainya TIDAK AKAN DITERIMA. (peraturan Am 4 MSSM)
- e. Penuntut yang masuk ke sekolah Swasta selepas mendapat Keputusan SPM layak menyertai Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dengan syarat pelajar tersebut mempunyai kedatangan / kehadiran sekurang-kurangnya 75% (kiraan 75% ini bermula daripada satu bulan selepas pengumuman keputusan SPM)
- f. Borang penyertaan yang telah dilengkapkan beserta dengan salinan fotostat kad pengenalan hendaklah dikemukakan kepada pengelola pada atau sebelum

5. **Hadiah**

- a. Hadiah disediakan untuk acara individu seperti berikut
 

i. Lelaki 18	- Tempat pertama ke tempat ke lima belas
ii. Lelaki 15	- Tempat pertama ke tempat ke lima belas
iii. Lelaki 12	- Tempat pertama ke tempat ke lima belas
iv. Perempuan 18	- Tempat pertama ke tempat ke lima belas
v. Perempuan 15	- Tempat pertama ke tempat ke lima belas
vi. Perempuan 12	- Tempat pertama ke tempat ke lima belas
- b. *Piala pusingan akan diberikan kepada kontinjen yang menjadi juara keseluruhan*


6. **Penentuan Juara Keseluruhan**







MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH MELAKA  
(MSS MELAKA)



8. **Melaporkan diri**

- a. Semua peserta mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya 45 minit sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung.
- b. **Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju lari masing-masing ( depan dan belakang).**
- c. **Nombor peserta mestilah dicetak di atas kain mengikut kategori masing-masing. Peserta yang menggunakan kertas, kain yang tidak menunjukkan kategori masing-masing atau nombor peserta yang ditulis TIDAK AKAN DIBENARKAN BERTANDING.**

9. **Memanaskan badan**

Peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang ditentukan

10. **Pakaian**

- a. Peserta hendaklah berpakaian sesuai (**BAJU-T BERWARNA PUTIH / BAJU – T SEKOLAH** ) dan kemas sewaktu mengambil bahagian dan pada majlis penyampaian hadiah
- b. Pakaian hendaklah tidak jarang walaupun basah dan tidak mencolok mata



**MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH MELAKA  
(MSS MELAKA)**

---

---

**11. Pembatalan**

- a. Peserta dikehendaki berlari mengikut laluan yang telah ditentukan. Peserta juga diingatkan supaya mengikut arahan penunjuk arah dan/ atau penanda arah yang akan ditempatkan / diletakkan di simpang-simpang di sepanjang laluan.
- b. Beberapa 'Check-point' akan di tempatkan di sepanjang laluan. Sekiranya seseorang peserta didapati tidak melalui laluan yang betul atau tidak dicatat nombornya di 'check-point' maka kemenangan peserta tersebut akan dibatalkan.
- c. Keputusan adalah muktamad

